

03 FEB 1999

Kurshiah-Ziarah

JENAZAH TUNKU KURSHIAH DIBERI PENGHORMATAN TERKAHIR

KUALA LUMPUR, 3 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan orang kenamaan lain serta anggota kerabat diraja pagi ini menziarahi jenazah almarhum Tunku Puan Besar Kurshiah Almarhum Tunku Besar Burhanuddin di Istana Negara.

Tunku Puan Besar Kurshiah, Raja Permaisuri Agong yang pertama, mangkat di Wad Diraja Hospital Kuala Lumpur pukul 4.50 petang semalam.

Dr Mahathir tiba di Istana Negara pukul 9 pagi bersama-sama rombongan anggota Kabinet. Yang turut menziarahi jenazah almarhum ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Almarhum Tunku Puan Besar Kurshiah, 87, meninggalkan dua orang puteri iaitu Sultanah Kedah, Tuanku Bahiyah dan Tunku Shahariah.

Jenazah Almarhum kemudian dibawa dengan helikopter ke Istana Besar Negeri Sembilan di Seri Menanti tengah hari ini.

Rakyat yang ingin menziarahi jenazah almarhum dibenarkan berbuat demikian antara pukul 1.30 tengah hari dan 4.30 petang di Seri Menanti.

Peraturan pakaian sewaktu ziarah ialah pakaian kebangsaan berwarna hitam atau gelap dan bersongkok bagi lelaki Melayu dan pakaian bersesuaian warna gelap bagi wanita Melayu.

Bagi bukan Melayu, pakaian lelaki ialah lounge suit warna gelap dan bagi perempuan, pakaian bersesuaian berwarna gelap.

Jenazah Tunku Puan Besar Kurshiah akan dikebumikan di Makam Diraja Seri Menanti, Negeri Sembilan petang ini.

Sementara itu, Jabatan Perdana Menteri mengeluarkan arahan kepada semua jabatan kerajaan di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Labuan mengibarkan bendera Malaysia dan bendera wilayah persekutuan setengah tiang hari ini.

-- BERNAMA

ARA HS NMO